



PEJABAT KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA
Office of Director-General of Education Malaysia
ARAS 8, BLOK E8
Level 8, Block E8,
KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E
Government Complex Parcel E,
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
Federal Government Administrative Centre
62604 PUTRAJAYA

Tel: 03-8884 6077
Fax: 03-8889 4548
Laman web: <http://www.moe.gov.my>.

KP(BS-DSR)8787/002/1/Jld.2 (13)

06 Julai 2007

Semua Pengarah Pelajaran Negeri

SURAT PEKELILING IKHTISAS BIL. 6 /2007
GARIS PANDUAN BIDANG TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB GURU
RESOS PROGRAM PENDIDIKAN KHAS INTEGRASI BERMASALAH
PENGLIHATAN

Surat Pekeliling Ikhtisas ini bertujuan menjelaskan bidang tugas dan tanggungjawab Guru Resos Program Pendidikan Khas Integrasi Bermasalah Penglihatan di sekolah-sekolah harian biasa yang menjalankan Program Pendidikan Khas Integrasi Masalah Penglihatan.

2. Kementerian Pelajaran Malaysia mengambil maklum tentang kekeliruan yang timbul dalam bidang tugas dan tanggungjawab Guru Resos khususnya dari segi tugas dan tanggungjawab melaksanakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran.

3. Sehubungan dengan itu, Jabatan Pendidikan Khas, Kementerian Pelajaran Malaysia telah menyediakan Garis Panduan Bidang Tugas dan Tanggungjawab Guru Resos Program Pendidikan Khas Integrasi Bermasalah Penglihatan ini bagi menjelaskan bidang tugas dan tanggungjawab Guru Resos kepada pihak pengurusan sekolah, Guru Resos dan guru mata pelajaran di sekolah yang ada menjalankan Program Pendidikan Khas Integrasi Masalah Penglihatan.

4. Kerjasama pihak Y. Bhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan adalah dipohon untuk maklumkan kandungan **Surat Pekeliling Ikhtisas Garis Panduan Bidang Tugas Dan Tanggungjawab Guru Resos Program Pendidikan Khas Integrasi Bermasalah Penglihatan** ini kepada pegawai yang bertanggungjawab di Jabatan Pelajaran Negeri, Pejabat Pelajaran Daerah/Gabungan, Pengetua dan Guru Besar di bawah pentadbiran Y. Bhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



DATO' Dr. HJ. AHAMAD BIN SIPON
Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia

s.k.

1. Y.B. Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein
Menteri Pelajaran Malaysia
2. Y.B. Dato' Hon Choon Kim
Timbalan Menteri Pelajaran Malaysia
3. Y.B. Dato' Noh bin Haji Omar
Timbalan Menteri Pelajaran Malaysia
4. Y.B. Puan Komala Devi
Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran Malaysia
5. Ketua Setiausaha Kementerian Pelajaran
6. Timbalan - Timbalan Ketua Setiausaha
7. Timbalan - Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran
8. Ketua - Ketua Bahagian Kementerian Pelajaran
9. Ketua Nazir Sekolah Kementerian Pelajaran
10. Penasihat Undang - Undang Kementerian Pelajaran
11. Pegawai Perhubungan Awam Kementerian Pelajaran

GARIS PANDUAN BIDANG TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB GURU RESOS PROGRAM INTEGRASI BERMASALAH PENGLIHATAN

LATAR BELAKANG

Kementerian Pelajaran Malaysia telah melaksanakan **Program Pendidikan Khas Bermasalah Penglihatan** untuk membantu murid-murid yang bermasalah penglihatan menerima pendidikan dengan selesa dan sesuai dengan kemampuan mereka. Murid-murid ini boleh mengikut program ini di Sekolah-sekolah Pendidikan Khas dan di sekolah-sekolah harian biasa melalui Program Pendidikan Khas Integrasi.

Program Pendidikan Khas Integrasi di sekolah harian biasa menggunakan pendekatan inklusif, iaitu murid-murid berkenaan belajar sepenuh atau separuh masa bersama murid-murid yang sebaya dengan mereka di kelas, diajar oleh guru aliran perdana bagi setiap mata pelajaran yang diambil. Tujuan pendekatan inklusif adalah untuk memberi peluang kepada murid bermasalah penglihatan berintegrasi dalam aspek sosial dan akademik dengan rakan aliran perdana.

GURU RESOS

Guru Resos adalah Guru Pendidikan Khas yang ditempatkan di sekolah harian biasa yang mempunyai Program Pendidikan Khas Integrasi.

Bilik Resos merujuk kepada bilik yang disediakan untuk menjayakan Program Pendidikan Khas Integrasi. Ia digunakan sebagai tempat pengajaran dan pengukuhan pembelajaran murid, menyimpan peralatan dan bahan pendidikan khas, serta tempat di mana Guru Resos melaksanakan tugas mereka.

BIDANG TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB GURU RESOS BERMASALAH PENGLIHATAN

Fungsi dan tanggungjawab Guru Resos dibahagikan kepada tiga bidang utama.

1. Pengajaran Dan Pembelajaran

- a) Mengajar murid bermasalah penglihatan secara individu atau berkumpulan di Bilik Resos sebelum/serentak/selepas masa pengajaran dan pembelajaran di kelas biasa bagi topik-topik tertentu yang sukar diikuti oleh murid bermasalah penglihatan selaras dengan keperluan individu murid.
- b) Mendapatkan maklumat dari guru mata pelajaran untuk tujuan pengukuhan dan pengayaan pada murid semasa pengajaran dan pembelajaran di Bilik Resos.
- c) Mengenal pasti, menyelaraskan dan mengambil tindakan sewajarnya berkaitan setiap perkembangan semasa dalam aspek keperluan kurikulum serta pentaksiran yang melibatkan kepentingan murid bermasalah penglihatan.
- d) Menjalankan tugas sebagai guru pendamping di kelas biasa bagi aktiviti amali dan fizikal untuk mata pelajaran dan topik tertentu.
- e) Mengajar kemahiran membraille kepada murid yang memerlukannya.
- f) Menjalankan latihan penglihatan terhad (*low vision*) bagi murid yang masih ada sisa penglihatan.
- g) Menjalankan latihan orientasi dan mobiliti.
- h) Menjalankan latihan kemahiran hidup harian.
- i) Menjalankan latihan penggunaan deria sentuhan, pendengaran, bau dan rasa.

- j) Peruntukan waktu pengajaran dan pembelajaran Guru Resos adalah **sekurang-kurangnya 12 waktu seminggu bagi sekolah menengah** dan **15 waktu seminggu bagi sekolah rendah**.
- k) Waktu pengajaran dan pembelajaran Guru Resos boleh di anjalkan mengikut keperluan pembelajaran murid dan dalam jumlah waktu yang diperuntukkan.

2 Pengurusan

- a) Membraille bahan-bahan cetakan biasa (buku-buku teks, soalan-soalan ujian/peperiksaan, bahan tambahan) mengikut keperluan.
- b) Menulis pindah bahan-bahan Braille yang dihasilkan oleh murid untuk diperiksa oleh guru mata pelajaran.
- c) Menyediakan gambar rajah timbul secara manual atau dengan bantuan komputer.
- d) Menyediakan bahan-bahan cetakan besar dan gambar rajah khas untuk murid penglihatan terhad (*low vision*).
- e) Merakamkan pelbagai bahan audio bagi membantu pengajaran dan pembelajaran murid di luar masa belajar atau di rumah.
- f) Menyelenggarakan peralatan pendidikan khas.
- g) Bekerjasama dengan guru lain di sekolah untuk membantu murid bermasalah penglihatan dari segi hal ehwal kebajikan dan kesihatan.

3 **Kelas Bimbingan Dan Aktiviti - Aktiviti Tambahan**

- a) Mengadakan kelas bimbingan tambahan bagi murid yang akan menduduki peperiksaan umum.
- b) Membimbing murid dalam penggunaan perisian teknologi maklumat dan komunikasi atau ICT..
- c) Membacakan bahan-bahan bercetak yang sesuai kepada murid.
- d) Mewujud dan menyelia perjalanan aktiviti Kelab Pembaca di sekolah.
- e) Melibatkan diri dalam aktiviti kurikulum dan ko-kurikulum di dalam dan di luar sekolah yang berkaitan dengan murid bermasalah penglihatan

Disediakan oleh:

**Jabatan Pendidikan Khas
Kementerian Pelajaran Malaysia
11 Januari 2007**